

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

TAHUN 4. BIL. 23.

BANDAR BRUNEI, RABU, 18 NOVEMBER, 1959 (17 Jemadi Awal, 1379)

PERCHUMA

TUAN2 TANAH LANGGAR SHARAT TANAH

BANDAR BRUNEI — Satengah2 penduduk negeri ini telah melanggar syarat2 milek tanah dengan tidak sa-tahu mereka, kata Pegawai Tanaman Negeri, Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit.

Dalam satu siaran Inche Hamidoon berkata bahawa mereka itu telah di-dapati menanam pokok buah2an di-tanah yang di-sharatkan kerana pertanian dan menanam getah.

"Menanam pokok2 pada tanah yang di-sharatkan kerana menanam padi, mithal-nya ada-lah melanggar syarat pemberian tanah itu," kata Inche Hamidoon.

Untuk mengelakkan kesalahan itu berlaku pada masa hadapan dan juga untuk menyenangkan pegawai2 pejabat tanaman menjalankan tugas mereka tuan2 tanah ada-lah di-minta menyatakan syarat2 milek tanah mereka apabila membeli pokok buah2an daripada pejabat tanaman.

Mereka itu di-kehendaki membawa resit chukai yang menunjukkan lot nombor AA atau EDR yang mereka mileki.

Butir2 yang di-kehendaki itu boleh juga di-nyatakan kepada

Daftar bantuan menanam getah

BANDAR BRUNEI — Daftar permohonan bantuan wang kerana menanam getah baharu dan menanam sa-mula getah dalam tahun 1960 ada-lah di-buka sekarang.

Daftar itu akan di-tutup pada 31 January, 1960 dan permohonan kerana menanam dalam tahun 1960 sa-lepas tarikh itu tidak akan di-terima.

Borang2 permohonan boleh di-dapati daripada Pejabat Tanaman, Bandar Brunei, Tutong, Temburong dan Belait.


Pegawai Tanaman Negeri ada-lah menegaskan bahawa pada masa yang sudah2 permohonan2 yang lewat di-terima telah mengganggu ranchangan menanam getah.

Ranchangan itu mungkin tergendala jika permohonan2 lambat di-terima.

Pegawai Tanaman Negeri atau Pegawai yang menjaga Pusat2 Perchubaaan Pertanian di-Kilanas dan Biraw.

Peratoran ini ada-lah juga dijalankan di-daerah2 Belait Tutong dan Temburong ia-itu butir2 mengenai tanah hendak-lah dinyatakan kepada pegawai2 tanaman di-daerah2 itu apabila hendak membeli pokok buah2an yang di-jual oleh Pejabat Tanaman.

Orang ramai yang tidak mempunyai tanah tetapi suka hendak menanam di-kawasan rumah mereka pokok buah2an yang di-beli daripada Pejabat Tanaman hendak-lah menerangkan alamat rumah mereka.



Pemandangan dalam Lapau Diraja Bandar Brunei sa-masa Majlis Meshuarat Negeri di-bawah perlembagaan baharu mengadakan persidangan-nya yang pertama pada 21 October lepas.

3 DI-HUKUM PENJARA KERANA MENCHURI DAWAI TALIPON

SERIA — Sa-orang Melayu dan dua orang China telah di-dapati salah oleh Magistrate Brunei, Tuan R.G.P.N. Combe di-mahkamah di-sini pada hari Juma'at lepas berhubung dengan kehilangan dawai talipon kepunyaan sharikat minyak Brunei Shell.

Mereka itu ia-lah Saban bin Pakar sa-orang buroh yang telah di-dapati salah atas tuduhan menchuri 38 gulong dawai itu. Ia telah di-hukum penjara sa-lama 6 bulan.

Orang2 China itu ia-lah Don Wing Liang dari Jalan Chevalier, Bandar Brunei dan Teo Sey Eng dari Bandar Brunei juga.

Don Wing Liang telah di-dapati salah kerana menerima dawai yang telah di-churi dan di-hukum penjara 3 bulan.

Teo Say Eng telah di-hukum penjara satu bulan sa-telah di-dapati salah menerima dawai yang telah di-churi itu.

Mahkamah telah di-beri tahu bahawa di-antara 2 dengan 7 November dawai talipon lebeh kurang 2 batu panjang-nya antara Anduki dengan Sungai Liang telah di-dapati hilang.

Dawai itu telah di-dapati dalam beberapa buah karong dalam sa-buah Land Rover pada 8 November. Kereta itu di-naiki oleh Teo Sey Eng dan Don Wing Liang.

LANTEKAN HAKIM BESAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sir Ernest Williams, hakim besar bagi kawasan2 British di-Borneo yang telah bersara itu telah di-gantikan oleh Sir John Ainley.

Lantekan itu telah di-persetujukan oleh Baginda Queen sa-telah di-adakan perundingan dengan Duli Yang Maha Mulia.

Hakim besar baharu itu telah masok perkhidmatan Undang2 Tanah Jajahan dalam tahun 1935 di-Gold Coast dan telah memegang berbagai2 jawatan.

Beliau telah masok berkhidmat dengan tentera dalam masa peperangan.

Sir John telah di-lantek menjadi hakim di-Uganda dalam tahun 1946 dan dalam tahun 1956 di-lantek menjadi hakim besar bagi kawasan timor, Nigeria.

PEGAWAI PEJABAT MARINE DI-MUARA

MUARA — Sa-orang pegawai dari Pejabat Marine akan bertugas di-Pejabat Daerah di-sini pada tiap2 hari Rabu untuk menyelenggarakan permohonan2 menangkap ikan mulai 2 December hadapan ini.

Pegawai itu akan dapat ditemui dari pukul 9 pagi hingga pukul 12.30 tengah hari. Ia tidak datang ka-Muara jika hari Rabu itu hari kelepasan.

Ranchangan ini ia-lah untuk menyenangkan penduduk2 di-kawasan Muara yang sa-hingga ini terpaksa datang ka-Brunei kerana memohonkan lesen menangkap ikan.

Pegawai itu di-beri kuasa menimbangkan perkara2 yang bersangkutan dengan permohonan lesen menangkap ikan.

HAMPIR 1000 PENUNTUT KELAS DEWASA DI-BRUNEI

Mereka boleh menulis dan membaca sa-telah belajar hanya 6 bulan

BANDAR BRUNEI. — Dalam masa enam bulan sahaja penuntut2 darjah2 dewasa di-beberapa sekolah di-negeri ini sudah pun pandai membaca dan menulis.

Kenyataan itu di-dapati daripada anggota2 Pejabat Pelajaran yang bertanggung jawab dalam gerakan membasmi buta huruf di-negeri ini.

Sa-ramai 821 orang laki2 dan perempuan (di-antara-nya 721 orang Melayu, 70 orang China dan 30 orang Iban sekarang ini belajar di-darjah2 dewasa.

Penuntut yang tua sa-kali berumur hampir 70 tahun dan yang paling muda pula berumur 17 tahun.

Darjah2 dewasa yang banyak sa-kali di-dapati di-negeri ini ialah di-Daerah Brunei di-turuti oleh Daerah Belait-Seria, Temburong dan Tutong.

Semua-nya 41 buah darjah telah di-dirikan di-seluruh negeri ini sa-takat ini.

Darjah2itu mula-nya di-bukad dalam bulan May tahun ini. Guru2-nya ia-lah guru2 Sekolah Melayu yang berkelulusan.

Kemahuan penduduk2 negeri ini hendak pandai menulis dan membaca ada-lah menggalakkan. Beberapa buah kampung telah menghantar permohonan supaya darjah2 dewasa di-buka di-kampung2 itu.

Darjah2 itu mula-nya di-buka

Malam aneka warna guru2 Melayu

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Guru2 Melayu Brunei akan menyambut hari ulang tahun penubuhan-nya yang ke-20 dengan mengadakan satu tema-sha di-sini dalam minggu ketiga bulan December hadapan.

Temasha itu mungkin di-adakan di-dewan Civic Centre Bandar Brunei dan akan mengandongi malam aneka warna dan malam cheramah.

Aneka warna akan di-adakan sa-lama dua malam dan cheramah sa-malam.

Perduan2 yang akan di-adakan pada malam aneka warna itu ia-lah lawak jenaka, lakunan2 pendek, membaca sajak, nyanyian dan pakaian chantek. Peraduan2 itu terbuka kepada guru2 dan murid2 sekolah.

Guru2 dan murid2 sekolah yang hendak masuk bertanding dalam peraduan2 tersebut adalah di-minta berhubung dengan setia usaha, Chawangan Persatuan Guru2 Melayu Brunei di-daerah masing2.

buka dalam tahun hadapan", kata sa-orang juruchakap Pejabat Pelajaran.

JAMUAN UNTUK DATO HALES

SERIA. — Satu majlis perpisahan telah di-adakan untuk Dato R.E. Hales, Managing Director, Brunei Shell Petroleum Co. Ltd, di-Panaga Club pada hari Ithnin yang lalu.

Kira2 450 orang tetamu telah hadir dalam majlis tersebut.

Managing Director baharu Tuan P.M. Linton telah berucap bahawa kemajuan besar telah di-chapai oleh sharikat dibawah pimpinan Dato Hales.

Satu chendera mata kemudian-nya telah di-sampaikan kepada Dato dan Datin Hales.

PENGURUS SHARIKAT DI-DENDA BERSHUBHAT DALAM KESALAHAN

KUALA BELAIT. — Ernest Angus Barron, Manager Borneo Motors chawangan Kuala Belait telah di-hukum denda sa-banyak \$100 pada 6 November ini atas satu tuduhan kerana bershubhat dalam kesalahan sa-orang bekas pegawai kerajaan.

Ia-nya telah di-bebaskan atas satu tuduhan lagi bershubhat lam kesalahan juga oleh Magistrate, Tuan R.G.P.N. Combe yang telah membicarakan Barron.

Barron telah di-tuduh menolong J.A. Rolph bekas jurutera mechanical Brunei mendapatkan sa-buah kereta dalam tahun lepas dengan harga yang tidak mencukupi daripada Borneo Motors.

Tuduhan kedua ada-lah sama juga ia-itu berkaitandengan sa-buah kereta lain yang di-beli oleh Rolph daripada sharikat tersebut dalam bulan September tahun ini.

Tatkala menjatuhkan hukuman Tuan Combe berkata bahawa keterangan yang di-beri oleh pehak penda'wa telah menunjukkan dengan jelas kesalahan itu.

Barron di-katakan telah menchuba hendak menyembunyikan

DALAM keluaran Pelita Brunei bilangan 22 ada-lah di-beritakan bahawa Duli Yang Maha Mulia telah melantek 31 orang menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri.

Dalam berita itu nama Tuan J. Pearce, Pegawai Pelajaran Negeri telah ketinggalan. Tuan Pearce ia-lah sa-orang daripada 5 orang ahli rasmi majlis itu.

TULANG DAN TENGGORAK DI-MAHKAMAH

BANDAR BRUNEI.—Magistrate Tuan R.G.P.N. Combe yang menjadi koroner dalam penyiasatan atas kematian sa-orang penjaja ubat bernama Mok Ah Hoi di-Sungai Lekeun dalam bulan October tahun lalu telah memutuskan bahawa si-mati itu ia-lah mangsa satu pembunuhan.

Tuan Combe berkata bahawa sa-orang atau lebeh daripada tiga orang Iban yang telah di-hukum atas satu pembunuhan lain telah membunuh Mok Ah Hoi.

Pada waktu menjalankan penyiasatan itu pada 10 November, satu tengkorak dan dua kerat tulang manusia telah di-serahkan kepada mahkamah sa-bagai tanda2 sa-lain dari tanda2 lain sa-perti botol2 ubat, bungkus2n2 serbok, sa-belah sepatu dan satu topi burok yang telah di-serahkan juga kepada mahkamah.

Orang2 Iban yang di-sebutkan oleh Tuan Combe itu ia-lah Buntu anak Unyan Ngang atau Jamaban dan Pilang anak Pagang.

DERMASISWA KAPADA PEGAWAI IMIGRESEN

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pegawai Pejabat Imigresen Brunei, Inche Mohamed Jaafar bin Haji Mohamed Daud telah di-kurniakan dermasiswa untuk mempelajari hal ahwal imigresen di-United Kingdom.



Mohamed Ja'afar

Beliau telah berlepas ka-London dengan kapal terbang hari ini dan akan menuntut di-sana kira2 dua tahun lama-nya.

Sa-belum memerhatikan bagaiman pejabat imigresen di-tadbirkan Inche Jaafar akan meluaskan pengetahuan bahasa Inggeris-nya di-Wilson College, London sa-lama sa-tahun.

Lepas itu beliau akan berkhidmat di-berbagai2 jabatan Pejabat Imigresen dan Pejabat Hal Ahwal Dalam Negeri di-London.

Inche Jaafar berumur 38 tahun telah mendapat pelajaran Melayu di-Brunei dan Inggeris di-Labuan dan Singapura. Beliau lulus peperiksaan School Certificate dalam tahun 1941 di-Singapura.

Inche Jaafar telah masuk berkhidmat dengan Kerajaan Brunei dalam tahun 1955 di-Pejabat Elektrik.

Tidak lama kemudian beliau di-tukarkan ka-Pejabat Imigresen dan sekarang memegang jawatan Senior Immigration Officer.

Ingatan kapada penduduk2 Singapura supaya segera balek ka-Singapura

BANDAR BRUNEI.—Penduduk2 Singapura di-Brunei yang dahulu-nya berhak balek ka-Singapura tetapi telah kehilangan hak itu hendak-lah mendapatkan kebenaran balek ka-Singapura jika mereka hendak tinggal di-Brunei sa-lepas 31 December ini.

Untuk mendapatkan kebenaran masuk balek ka-Singapura mereka hendak-lah membuat perhubungan dengan Pejabat Imigresen Singapura.

Sungguh pun demikian Pejabat Imigresen Singapura itu di-katakan tidak dapat meluluskan permohonan itu kechuali mereka itu sendiri balek ka-Singapura sa-belum 31 December tahun ini.

Penduduk2 Singapura itu adalah di-nasihatkan balek ka-Singapura sa-belum tarikh tersebut jika hendak meneruskan perhubungan mereka dengan negeri itu.

PASOKAN2 RUGBY

BANDAR BRUNEI. — Tujuh pasokan akan mengambil bahagian dalam pertandingan rugby tujuh orang sa-pasokan yang di-adakan di-padang SOAS College di-sini mulai 14 November lepas.

Pasokan2 itu ia-lah : RAF Labuan, SOAS College, Panaga, Sekolah Pertukangan "A", Sekolah Pertukangan "B", K.B.R.C. Belait dan pasokan Brunei Brunei.

AYER MATA DI-LANDA LARA

Riwayat tiga orang pengemis yang di-kesahkan dalam Ayer Mata di-Landa Lara, karangan Inche Maksin bin Abdul Kadir, sa-orang penuntut to Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei adalah di-tamatkan dalam keluaran ini.

Karangan itu telah mendapat hadiah pertama dalam peraduan mengarang cerita pendek pada masa menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia dalam bulan September yang lalu.

Ayer Mata di-Landa Lara seterusnya mengisahkan.

"Sudah saudara punya nasib demikian! Yang ta' mungkin di-elakkan." Kawan-nya itu menyela mengisikan kekusongan, ia sendiri belum pernah di-ketahui betapa nasib-nya dan ia sendiri pun ta' mau menceritakan-nya. Kemudian ia berkata dengan ta' di-pinta. "Nasib saudara sama macham saya mungkin lebeh lagi."

"Saudara pernah masuk di-medan perang-kah?" Tanya Hardi ingin lekas tau.

"Ya, saperti saudara juga." Jawab-nya, nampak lelah nafas-nya untuk bercherita. "Tetapi aku sendiri ta' mau menceritakan hal itu kerana hati-ku ta' sanggop mengulangkan sandiwara pahit di-dalam hidup-ku."

Ia menundukkan kepala-nya sa-olah2 menekan dan menahan debokan jantung-nya. Tangan-nya yang telah hilang kodrat itu di-renong-nya seperti membachakan kisah itu yang terchoret pada tangan-nya tetapi ta' sa-patah pun kata-nya lahir.

Penderitaan hidup

Mereka semua diam seperti kehabisan perkataan untuk diperbualkan; sunyi terkatup di-kubus kelubong dunia malam. Kawan itu ta' sanggop lagi meneruskan bichara-nya, badan-nya kurus itu di-sandarkan-nya pada dinding timbok itu meng-e-pil2 kedinginan malam yang ta' pandai kesehan itu dan nyamok menyerobongi minta darah dari tuboh yang ta' banyak darah itu.

Hardi dan Munib masing2 membaringkan badan kurus-nya pada lekok2 batu itu; sedang kawan tadi maseh mata-nya berbujor ka-rawang langit yang ta' berbatas itu.

Kabar cherita-nya ia ada-lah dari keluarga yang berada juga sa-belom perang dulu; nama-nya Saimun, pada badan-nya nampak sudah tua lantaran ketuaan oleh penderitaan hidup. Umor-nya baru kurang lebeh 38 tahun, di-masa perang ayah-nya dan sa-isi rumah-nya telah jadi korban letupan bom

yang pada masa itu ia sedang bertugas merunda di-pantai utara negeri Sabah. Alang-kah ranap rasa jantung dan hidup-nya bilamana musnah-nya tempat hati-nya menyugokkan kaseh sayang-nya kapada ayah dan ibu-nya yang kini telah ta' ada dan hilang buat selama2-nya.

Ka-Medan pertemporan

Dulu ia telah bertunang dengan sa-orang gadis desa, Ainah nama-nya yang maseh ta' hapus dari kenangan-nya. Saminggu lagi ia akan melangsungkan hari perkahwinan-nya sa-belum ia pergi ka-medan pertemporan, tetapi keadaan yang memaksakan ia mengundorkan hari gemilang itu buat sementara. Ia terpaksa pergi mengikuti di-mana laongan meminta diri-nya dan meninggalkan kechintaan hati-nya dan ribaan sukma-nya.

Ini-lah lubok sandiwara hidup-nya yang ta' kebas kabor di-benak hidup-nya macham kerdipan bintang2 di-langit yang ta' kunjong diam dari kerdipan-nya, sebab itu-lah mata Saimun maseh membujor tertibar pada langit, pada malam dan pada bintang2 itu. Ia memutarakan potrit hidup-nya di-kala sa-hari sa-belum pergi ka-medan neraka itu, ia menemui kekaseh-nya dan berkata. "Nah, tahu-kah kau akan diri-ku sekarang?" Tanya-nya, gadis itu tundok malu kebingongan dan membuntu. Ia diam menggilingkan kepala-nya, kemudian sambong -nya. "Kau tinggal dulu Nah!" Mata-nya mendempor mengawasi ka-wajah gadis itu. Ainah tambah bingong kaku, hati-nya mau mendempik menjerit sa-kuat2 hati-nya bila mendengar kelimat itu tetapi ia malu dan malu, dan ia menegaskan lagi. "Aku akan di-hantar pergi ka-pantai utara negeri Sabah dan bertahan di-sana pagi besok, kau doakan saja aku?"

Lambat2 ia mengangkat muka-nya dan pipi-nya yang montok sekejap berubah muram. "Agak berapa lama Yun di-sana?" Tanya-nya sambil menundukkan mata-nya dan meraba2 ka-tanah. "Tentu ta' lama, kau jangan kuatir sangat Nah mungkin dengan doa-mu aku akan selamat dari mala petaka." Ia menggilingkan kapala-nya dan tundok, berpunang2 ayer mata-nya titek gechor dari kelupak mata-nya. "Kau mena-ngis Nah?" Tanya Saimun, ia ta' menjawab. "Engkau jangan bimbang Nah..." Ulang Saimun lagi. "Tidak... tetapi aku sedeh kau pergi kerana untok berperang dan membunuh, aku ta' biasa mendengar membunuh itu..." Suara-nya ter-

tahan di-sulam oleh tepukan sedu.

"Aku membunuh ada-lah untok keselamatan negara kita dan untok keselamatan kau juga, bukan?" Ia terdiam dengan ketegasan itu. "Nah lepaskan kau dengan ayer mata-ku tetapi Nah minta maaf barangkali ini-lah saja hingga-nya perbatasan kaseh kita, mungkin ta' dapat bertemu lagi..." Dan di-ambikan-nya tangan Saimun di-rangkul-nya tetapi lantaran runtunan jiwa-nya meniup sedeh, ia ta' tahan membiarkan lantas dipelok-nya badan kekaseh-nya dengan irat2 dan tersedu. Kemudian terdengar suara bisekan halus-nya lahir dari sayupan kelbu di-tiup duka. "Nah serahkan bersama chinta Nah untok kau pergi, bawa-lah bersama2 untok berjuang..." Kapala-nya di-tusupkan-nya di-dada kekaseh-nya dan menchurahkan deraian kaseh dari kalbu-nya dengan sa-puas2-nya. Saimun membiarkan saja bagitu dan di-usapkan-nya kepala kekaseh-nya dengan penoh ikut terharu, lama2 baharu-lah Ainah melepaskan rangkolan kekaseh-nya dan berkata. "Selamat pergi Yun..." Kedua-nya berpisah dengan titisan ayer mata kesedehan.

Kembali dari pertemporan

Demikian-lah Saimun terpaksa berpisah dengan tunang-nya dalam sementara waktu di-mana keributan pembunuhan pekat mengila2, jasad-manusia berkaperan di-mana2 saja ta' ada harga. Ya, di-kala itu Saimun kembali menemui kekaseh-nya sa-telah tiga bulan di-alun penderitaan di-ombak perjuangan. Ia kembali dan kembali membawa bungkusan derita dan ayer mata duka. Ia kembali menemui tunang-nya bukan untok mengusapkan kandi kaseh dan chinta-nya yang telah di-bawa-nya dulu; kini telah pun punah di-garis perang di-medan perjuangan. Ia tidak saperti dulu lagi, telah berubah dan berlainan, berubah lantaran sa-belah tangan-nya terpaksa terpisah dari badan-nya saperti juga chinta-nya dari jiwa-nya.

Ia insaf akan diri-nya dan ta' sanggop melihat Ainah menyembahkan chinta-nya karibaan-nya yang telah berkurang itu. "Kau lupakan saja aku Nah?" Kata-nya bersedeh, kemudian suara-nya lagi. "Aku tidak menyeksakan hidup dan kebahagiaan-mu Nah, biar-lah aku berpisah dari-mu, berpisah dari rubong chinta yang kita padu dulu..." Ia diam di-situ sukma-nya terkatup sebak. "Nah, aku serahkan-lah saja

pada mu untok memutuskan-nya!"

Rintehan kata-nya melimpah pada rawang jiwa kesedehan. Ainah hanya dapat menyambut dengan lilihan ayer mata jerneh-nya, ia ta' sanggop melahirkan dengan bahasa hati-nya dan bahasa manusia, hanya sedeh, hanya menangis dan ayer mata-nya saja yang bisa laju berpunang2 menggulunchor, kemudian ia bersuara. "Tidak... aku ta' sanggop berpisah dari mu Yun!" Badan-nya yang sederhana tambah menggil tersedu, ia ta' dapat meneruskan kata-nya lagi lantas menyambangkan muka-nya dengan kedua tapak tangan-nya yang halus itu.

Harapan dan kemusnahan

Suara-nya terdengar lagi. "Biar-lah kau demikian namun chinta dan kaseh-ku tidak dapat-ku pisahkan, chinta-ku tidak luntor dan kabur Yun?" "Terima kaseh Nah, betapa besar-nya jiwa dan chinta-mu dan di-manakah aku membawa dan menyiampan-nya? Nah, kau sanggop berkorban untok diri-ku?" "Itu bukan bererti pengorbanan Yun tetapi itu ada-lah chinta-ku yang sejati yang lahir dari jiwa-ku sendiri, aku ta' mau jadi manusia pemungkir janji yang indah tapi bisa hilang, aku manusia Yun!" Ia mengakhirkan kata-nya dengan penoh alonan sedeh dinyanyi oleh kalbu yang penoh kejujoran.

"Kau maseh menchintai pada diri-ku, Nah?"

"Ah, tidak, tidak Nah, tetapi sangkaku mungkin chinta-mu juga telah hilang pada-ku kerana chinta-mu itu kau letakkan dulu bukan pada keadaan-ku bagini". Gadis itu diam tundok dan masing2 ta' berkata terkatup suasana, sunyi bertaut kembali hanya dentuman jantung deras berkochak. Pada hati dan benak berkurang2 seruling hiba meniup lagi irama duka tetapi penoh harapan bahagia.

Ya, kalau hati membawa harapan kemusnahan tetap menanti di-penghujangan jalan sabagi undang2 hidup, dalam pada itu-lah segala chinta berderai, berkasai, dari dua jenis insan itu dan terkapal-lah hidup di-dalam jiwa di-tudong bangkai derita. Maka pada saat itu-lah bilamana suatu hari serdadu chelaka itu dapat bertapak dan mendarat ia buas, buas dengan sa-buas2-nya bukan saja di-medan pertemporan malah-an siapa saja manusia yang hidup di-depan mereka. Ya, di-kala itu-lah Ainah menjadi kor-

(Lihat muka 7)

JURUTERA RADIO HAPUSKAN KEMUSHKILAN

Tujuan kita yang utama ia-lah mengadakan siaran dalam negeri

Tuan T. Dunk, Ketua Jurutera Radio Brunei dalam satu Ke-terangan yang di-siarkan oleh Radio Brunei telah menjawab berbagai2 soal berkenaan dengan kemushkilan penggemar2 radio di-negeri ini terhadap perkhidmatan Radio Brunei.

Oleh kerana siaran itu di-fikirkan mustahak untuk menghapuskan keraguan penggemar2 radio yang telah menggunakan pertanyaan2 yang berguna dan membena itu, Pelita Brunei ada-lah mengambil kesempatan memuatkan siaran itu dengan sa-chara ringkas pula.

Menjawab pertanyaan

Radio Brunei telah di-tanya: Mengapa-kah Radio Brunei tidak dapat di-dengar di-Malaya, Indonesia dan lain2 negrei pada hal kita boleh mendengar negeri2 itu dengan jelas-nya di-Brunei?

Lain2 pertanyaan yang telah di-kemukakan ada-lah seperti berikut:

"Mengapa-kah siaran dari Kuala Belait tidak boleh di-dengar di-Bandar Brunei dan siaran dari Bandar Brunei tidak boleh di-dengar di-Kuala Belait? dan

"Bagaimana-kah hendak memperbaiki suara radio yang dijalankan oleh kuasa battery dan jauh dari pejabat radio?"

Berkenaan dengan soal mengapa-kah Radio Brunei tidak dapat di-dengar di-Malaya, Tuan Dunk berkata:

"Tujuan kita yang utama ia-lah hendak mengadakan siaran kerana Negeri Brunei dan sa-lepas itu jika di-kehendaki mengadakan siaran untuk se-berang laut.

Baharu di-tubuhkan

"Sungguh pun demikian kita telah menerima beberapa laporan dari negeri2 lain mengatakan siaran radio Brunei dapat di-dengar di-negeri2 itu.

"Siaran radio Brunei kadang2 dapat di-dengar di-negeri2 yang jauh seperti New Zealand dan Sweden."

Sebab2 lain mengapa radio itu di-khaskan kerana siaran di-dalam negeri sahaja ia-lah kerana Pejabat Radio Brunei baharu sahaja di-tubuhkan pada hal Malaya telah mempunyai Pejabat Radio semenjak tahun 1937, Indonesia tahun 1926, oBrne Utara tahun 1926, Borneo Utara tahun 1953.

Hendak-lah juga di-ingat bahawa radio itu ia-lah satu perkara yang sangat baharu kerana siaran radio hanya di-mulakan dalam tahun 1920 dari sa-buah station sharikat

Marconi yang di-namakan station 210 di-London.

Jika di-pandang dari tarikh station2 radio negeri2 lain itu di-tubuhkan Radio Brunei adalah menhuba hendak bersaingan dengan station2 yang telah lama di-dirikan.

Kerumitan Radio Brunei bukan-lah dari segi kewangan tetapi ia-lah hendak mendapatkan kaki tangan yang maher bagi pejabat yang sangat muda itu untuk melancarkan siaran kerana pendengar2 di-seberang laut.

Dan jika kita hendak mengadakan siaran ka-seberang laut pada takat ini, siaran itu hendak-lah sama baik-nya jika tidak lebeh baik lagi dari siaran radio2 lain.

Tegasan tujuan Radio Brunei pada masa ini, kata Tuan Dunk ia-lah mengadakan siaran untuk negeri bukan-nya kerana siaran ka-negeri2 se-berang laut.

Kuala Belait sahaja

"Tetapi apabila tujuan pertama ini telah terchapai dan kita telah chukup maher, boleh-lah jika di-kehendaki mengadakan siaran ka-negeri2 luar."

Berkenaan dengan soal mengapa-kah siaran dari Kuala Belait tidak dapat di-dengar di-Brunei Tuan Dunk menjawab:

"Soal ini sering di-kemukakan dan jawab-nya senang sahaja. Perkhidmatan radio Kuala Belait itu di-khaskan untuk memberi siaran ka-kawasan Kuala Belait sahaja."

Siaran dari Kuala Belait itu boleh di-dengar di-kawasan2 yang lebeh jauh jika transmitter yang lebeh besar di-gunakan.

Tetapi itu tidak mudah dilakukan kerana ia berkaitan dengan banyak perkara2 lain seperti bekalan tenaga elektrik yang chukup, kawasan yang lebeh luas untuk mendirikan tiang radio dan lain2 perkara lagi.

Berkenaan dengan perkara hendak memperbaiki suara radio yang di-jalankan oleh kuasa battery, Tuan Dunk menjelaskan.

Sebab2 suara radio yang dijalankan dengan kuasa battery itu kurang baik ada-lah banyak. Satu daripadanya ia-lah peti radio itu kurang baik atau radio itu telah rosak.

Dan oleh sebab radio itu

jauh dari pejabat radio kechachauan dari udara ada-lah juga mengganggu siaran.

Untuk memperbaiki keadaan itu Tuan Dunk mengeshorkan supaya penggemar2 radio yang mempunyai radio seperti itu memasang aerial di-luar rumah.

Sungguh pun kawasan Temburong itu telah di-anggap mendapat perkhidmatan dari transmitter Tutong tetapi bukit2 dan tanah2 tinggi antara Tutong dengan Temburong kadang2 mengganggu siaran radio.

"Bukit dan tanah tinggi ia-lah satu dari berbagai2 sebab yang mengganggu suara radio yang jauh dari pejabat radio," kata Tuan Dunk.

Untuk mengurangkan kechachauan suara itu Radio Brunei telah berchadang hendak menggunakan satu macham alatan yang telah di-pesan. Alatan itu ia-lah untuk menduga sa-takat mana kechachauan suara itu di-dapati di-seluruh negeri.

Sementara itu beliau menasihatkan supaya penggemar2 radio yang berkenaan memperbaiki peti2 radio mereka.

Satu soalan ia-itu apa-kah beza-nya antara gelombang pendek dengan gelombang sederhana telah juga di-kemukakan kepada Radio Brunei.

Dengan ringkas-nya ada-lah di-terangkan bahawa gelombang sederhana itu terkandung dalam siaran 200 metre hingga 550 metre dan gelombang pendek pula dari 10 metre hingga 100 metre.

Kerumitan-nya ia-lah semua pejabat radio terpaksa menggunakan gelombang2 tersebut dan gelombang2 yang di-khaskan untuk radio ada-lah terhad kepada metre2 yang tertentu seperti 13, 16, 19, 25, 31, 41, 49, 60 dan lain2.

Yang demikian kekachauan mungkin berlaku oleh sebab satu2 metre itu di-gunakan oleh terlalu banyak pejabat radio.

Oleh sebab gelombang2 yang di-pancharkan itu boleh berjalantinggi di-udara dan juga paras tanah, maka dapat-lah di-bahagikan gelombang2 itu kepada gelombang pendek dan gelombang sederhana.

Gelombang sederhana itu berjalan paras tanah dan gelombang pendek berjalan tinggi di-udara.

Tetapi sa-bagaimana kita ketahui keadaan udara itu berubah dari satu masa ka-satu masa.

Akan menjelaskan lagi

Ini menyebabkan pancharan yang jelas di-dengar mithal-nya pada pukul 8 pagi tidak boleh di-dengar atau kurang baik siaran-nya pada petang hari.

Tuan Dunk menegaskan untuk menghapuskan kekachauan dari keadaan udara itu sakurang2-nya enam gelombang hendak-lah di-gunakan.

"Ini menyebabkan susah hendak menentukan siaran yang baik dari gelombang pendek. Perkara itu memerlukan perhubungan yang banyak dan persetujuan antara bangsa atas gelombang2 yang di-gunakan."

Tuan Dunk telah menamatkan siaran-nya dengan memberi jaminan bahawa beliau akan menjelaskan lagi kemushkilan pendengar2 Radio Brunei.



Penduduk2 perempuan di-Kampung Tanah Jambu, Jalan Muara, Brunei beramai2 belajar di-darjah dewasa yang di-adakan di-kampung itu. Berdiri di-kanan ia-lah Chegu Awangku Hashim bin Pengiran Chuchu yang menjadi guru mereka.

Lantekan pemangku pesurohjaya tinggi

BANDAR BRUNEI. — Tuan G. L. Gray, Setiausaha Kerajaan Tempatan Borneo Utara telah sampai di-Brunei dalam minggu lepas kerana memangku jawatan Pesuroh Jaya Tinggi British di-negeri ini.

Tuan Gray berumur 54 tahun telah masuk berkhidmat dengan Kerajaan Borneo Utara dalam tahun 1923.

Sa-lama berkhidmat dengan kerajaan beliau telah memangku jawatan Setiausaha Agong dan menjadi Pegawai Pentadbir Kerajaan dalam masa Gabenor Borneo Utara berchuti.

Tuan Gray akan balek ka-Borneo Utara pada 30 November ini apabila Pesuroh Jaya Tinggi, Yang Terutama Tuan D. C. White balek dari chuti-nya di-Hong Kong.

Di-Hongkong Tuan White telah berkata bahawa suasana politik di-negeri ini ada-lah tentenram.

"Kami hanya telah melancarkan satu perlembagaan baharu. Tiap2 penduduk Negeri Brunei ada-lah bergembira," kata Tuan White.

Tuan White telah juga menerangkan bahawa orang2 China di-negeri ini tidak menyertai gerakan subversib Komunis.

"Mereka itu tidak bergerak dari segi politik," kata beliau.

TAWARAN MENDINDING BILEK2 SEKOLAH

BANDAR BRUNEI. — Tawaran2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei daripada kontraktor2 bahagian A dan B kerana mendinding tingkat2 bawah untuk bilek2 sekolah2 Berakas, Bunut, Sengkulong dan Tutong.

Kontraktor2 itu hendak-lah yang telah berdaftar dengan Pejabat Kerja Raya. Tawaran akan di-terima sa-hingga pukul 12 tengah hari, 1 December, 1959.

Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu tersebut akan ditolak.

Pelan2 dan butir2 kenyataan boleh di-lihat dan di-perolehi dari Pejabat Jurutera Negeri, Pejabat Kerja Raya Brunei pada masa bekerja.

Tawaran2 misti di-masokkan di-dalam sampol2 surat biasa dan kerja yang di-tawarkan misti-lah di-terangkan pada sampol surat itu.

Bayaran chengkeram tawaran ia-lah \$100. Wang itu akan di-kembalikan kepada penawar2 bila memberi balek lukisan2 dan butir kenyataan kepada Pejabat Kerja Raya, Brunei.

Tawaran2 hendak-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang di-tentukan dan tawaran2 yang di-buat di-atas borang2 yang tidak betul akan di-tolak.

Penyatuan ranchangan2 perbekalan negeri

BANDAR BRUNEI. — Peranchangan perbekalan2 letrik, ayer, gas dan perhubungan telah di-satukan di-bawah ranchangan hendak menjauhkan bahaya dan menyelamatkan wang kerajaan.

Untuk menjalankan ranchangan itu satu jawatan kuasa telah di-bentuk di-tiap2 daerah.

Jawatan kuasa itu akan di-pengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Municipal dan oleh Pegawai Daerah di-daerah yang tidak mempunyai Lembaga Municipal.

Ahli2 jawatan kuasa itu ia-lah Jurutera Negeri, Jurutera Letrik Negeri, Pegawai Sukat Negeri dan Pengelola Talikom.

Menurut peratoran baharu itu semua permohonan untuk menjalankan pekerjaan bagi perbekalan2 tersebut hendak-lah di-susol kepada jawatan kuasa tersebut.

DERMASISWA KAPADA PENOLONG PEGAWAI DAERAH BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Inche Ajmain bin Abdul Razak, Penolong Pegawai Daerah Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Canada baharu2 ini sabagai sa-orang penuntut.

Beliau telah di-kurniakan dermasiswa oleh Kerajaan Canada kerana menuntut sa-lama sa-tahun di-negeri itu.

Kunjongan dari London

BANDAR BRUNEI. — Tuan H. Nield, sa-orang pegawai kanan di-Jabatan Timor Jauh, Pejabat Tanah Jajahan di-London telah melawat ka-Brunei pada hujung bulan lepas.

Beliau telah berlepas ka-Sibu, Sarawak sa-telah berada beberapa hari di-Brunei dan sa-lepas itu terbang ka-Singapura dalam perjalanan-nya balek ka-London.

Pemandangan kelas dewasa



Satu pemandangan darjah dewasa di-Kampung Jambu, Jalan Muara, Brunei. Penuntut yang sedang membaca buku itu ia-lah ketua kampung Tanah Jambu, Inche Taim bin Gharif berumur kira2 60 tahun. Guru darjah itu ia-lah Inche Asma Khan bin Abdul Khan.

Pegawai Amerika Sharikat gembira melihat kemajuan

BANDAR BRUNEI. — Tuan James Elliott, Pengarah Jabatan Penerangan Amerika Sharikat di-Singapura telah melawat ka-Brunei dalam minggu lepas.

Beliau berada di-sini beberapa hari sa-telah melawat ka-Borneo Utara.

Sa-lama berada di-negeri ini beliau telah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar dan pegawai2 tinggi kerajaan.

Tuan Elliott yang telah datang ka-Brunei dalam tahun 1957 berasa gembira melihat kemajuan yang telah di-chapai oleh Brunei dalam masa dua tahun yang lau.

Sa-masa di-sini beliau telah mengambil kesempatan melawat ka-padang minyak Seria dan

ka-masjid Omar Ali Saifuddin di Bandar Brunei.

Dalam lawatan itu beliau telah di-iringi oleh Pegawai Penerangan Negeri, Yang Berhormat Pengiran Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

PELUANG UNTUK PEMUDA PEMUDI

BANDAR BRUNEI. — Beberapa jawatan kosong untuk pemuda dan pemudi yang hendak menjadi jururawat telah diumumkan oleh Pegawai Perubatan Negeri Brunei.

Gadis2 dan pemuda yang memohonkan kerja itu hendak-lah berumur lebeh dari 18 tahun dan telah lulus darjah VII atau Form III.

Tingkatan gaji kerana jururawat perempuan ia-lah \$183x7-211 - 220 x 10 - 250 - 260 - 280x10 - 300/350 - 370 - 380/400x20 - 480 sa-bulan.

Jururawat perempuan akan di-beri allowance makan sa-banyak \$35 sa-bulan sa-lain dari uniform dan tempat tinggal.

Bagi pemuda pula tingkatan gaji ia-lah \$211-220-230-240-250-260 - 280 x 10 - 300/350 - 370-380x20-440 sabulan. Uniform dan tempat tinggal akan di-beri.

Permohonan hendak-lah di-alamatkan kepada Matron, State Hospital Brunei.

Latehan akan di-mulakan pada 28 January 1960.

Pergaulan boleh membahagia dan menewaskan akhlak

BANDAR BRUNEI. — Mari-lah kita meninjau sa-pintas lalu apa yang di-katakan akhlak dalam pergaulan yang di-pentingkan dalam kehidupan kita sa-tiap hari.

Hidup tidak bererti kalau tidak bergaul, tetapi hendak-lah awas kerana pergaulan itu boleh membahagiakan dan menewaskan.

Jika hendak mendapat kebahagiaan dalam pergaulan sa-sa-orang itu hendak-lah:

*Manis muka waktu pertemuan,
Baik kelakuan dalam pergaulan,*

*Jujur hati kepada kawan,
Tinggi hemah dalam pengetahuan.*

Sa-bagaimana kata Hamka, "Dalam pergaulan dapat bertolongong2an, ada-nya pertolongan berjaya-lah chita2 mu wahai kawan."

Akhlak erti-nya perangai atau peribadi. Akhlak atau perangai itu ia-lah lunas yang pertama dalam pergaulan. Dia juga membentok sejarah hidup kita di-dalam dunia kerana akhlak itu akan meninggikan atau merendahkan taraf sa-sa-orang.

Asas akhlak yang mulia telah tersusun dalam sajak:

Pertunjukan anjoran BSP

BANDAR BRUNEI. — Satu pameran lukisan di-bawah anjoran sharikat minyak Brunei Shell akan di-adakan di-dewan Civic Centre, di-sini sa-lama tiga hari mulai 25 November ini.

Lukisan2 itu mengandongi berbagai2 pemandangan di-pandang minyak, perusahaan minyak dan sa-bagai-nya.

Pameran itu terbuka kepada orang ramai dari pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari dan dari pukul 2 petang hingga 5.30 petang.



Persatuan Pancharagam Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei akan mempersembahkan temasha malam aneka warna di-dewan kolej itu pada malam 12 December hadapan.

Temasha itu di-adakan di-bawah naungan Duli Yang Maha Mulia dan di-tajakan oleh guru lukisan dan musik, Tuan M. Bastians. Berbagai2 nyanyian, tarian dan lakunan jenaka yang menarek hati akan di-persembahkan oleh murid2 sekolah2 Inggeris di-Bandar Brunei.

Di-atas ia-lah pemandangan dalam satu tarian yang akan di-persembahkan oleh murid2 perempuan.

*Jujur ikhlas sabar dan adil,
Bertimbang rasa sa-tiap masa;
Ilmu pengetahuan juga mesti ada,*

Baharu-lah bererti hidup sa-sa-orang manusia.

Betapa penting-nya akhlak telah di-tegaskan oleh Junjongan kita. Baginda telah di-utus kadunia ini untuk membaiki dan menyempurnakan akhlak.

Dalam pergaulan kita hendak-lah berjaga2, jangan bergaul di-tempat yang boleh merosakkan nama baik kita dan jangan pula bergaul hingga melanggar undang2 alam. (Mala Mas).

NAMA RUMAH PESUROHJAYA

BANDAR BRUNEI. — Rumah British Resident dahulu di-Jalan Residency di-sini yang biasa-nya di-panggil "Residency" telah dengan rasmi-nya di-namakan "The High Commissioner's House."

Rumah itu sekarang di-duduki oleh Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei.

JANGAN LEKAS MEMBERI FIKIRAN ATAS APA YANG KELIHATAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-bahagian daripada kaum wanita kita berpendapat bahawa keadaan wanita dahulu lebih baik dari sekarang sungguh pun ramai wanita sekarang telah maju dan terpelajar.

Ini ia-lah kerana satengah2 wanita yang terpelajar itu di-sisafkan telah terpelencong. Tetapi siapa-kah patut di-salahkan

kerana keadaan ini?

Wanita dahulu itu telah menjadi ibu sekarang. Mereka tidak berpelajaran dan sempit fikiran. Oleh sebab mereka tidak pandai mendidik dan memimpin anak2, mereka-lah yang menyebabkan wanita sekarang terpelencong.

Ibu ada-lah sa-bagai guru. Bagaimana ia boleh mengajar jika dia sendiri tidak pandai menulis dan membaca. Tetapi jika ibu telah mendapat didekan yang chukup ta' dapat tiada keadaan anak2-nya akan terjamin.

Kewajipan ibu ia-lah mendidik anak dan terpelang-lah kepada anak2 menerima atau menolak didekan ibu mereka.

Dari didekan ibu itu sering timbul pemandangan yang kadang2 membawa kepada salah sangka. Akibat salah sangka sangat merbahaya kepada orang yang benar.

Yang demikian jika di-pandang chantek molek lahir-nya jangan lekas di-sangka chantek molek batin-nya dan sa-balek-nya pula jika di-pandang burok lahir-nya jangan lekas berfikir burok hingga ka-batin-nya. (Mata Hari).

ADAT YANG DI-ANGGAP MEMBERI PANDUAN

BANDAR BRUNEI. — "Biar mati anak jangan mati adat", demikian-lah satu peribahasa yang sengahja di-chipta dan di-tinggalkan oleh orang tua2 kita sa-bagai satu pusaka yang ta' ada tolak banding-nya.

Banyak antara pemuda pemuda yang tidak ingin dan tidak suka mendengar peribahasa yang tersebut di-atas kerana kata mereka adat2 itu menghalang kemajuan.

Tetapi saya tidak berpendapat demikian kerana pada perasaan saya peribahasa itu lunak merdu di-dengar halus dan terator segala seni kata-nya sa-hingga tidak terasa oleh kita akan maksud-nya memaksa supaya kita jangan melalui segala adat istiadat lama.

Di-dalam istiadat lama itu akan kita dapati beberapa mutiara yang berguna untuk menaikkan taraf bangsa kita supaya terkenal di-muka bumi ini.

Pusaka ini tidak akan di-tinggalkan sa-kira-nya ia-nya tidak memberi guna kepada kita dan memberi panduan kita berjalan di-dalam yang gelap gelita ini.

Dalam lembaran sejarah bangsa kita, kita dapati semenjak beberapa abad yang lalu peribahasa ini di-anggap suci dan di-pakai oleh ibu bapa kita.

Diwasa itu anak2 gadis di-penget di-cherok dapor. Mereka hanya di-ajar mengaji koran sahaja dan tidak di-benarkan berchampur gaul.

Tetapi masa itu ibu bapa tidak pernah terchunting arang di-muka-nya dan gadis2 pula tidak menjadi janda sa-belum masanya. Ini ia-lah kerana mereka itu menghormati peribahasa "Biar mati anak jangan mati adat."

Ibu bapa rela membunuh anak yang melanggar adat istiadat yang memberi malu kepada mereka. Mereka berpendapat; malu mereka malu-lah kampung, jika malu kampung malu pula masyarakat dan sa-terus-nya. (M. Samsinah).

Amaran atas lesen bedil

BANDAR BRUNEI. — Penduduk2 Brunei yang lesen senapang mereka telah habis tempohnya pada 30 June tahun ini dan belum lagi membaharui lesen itu hendak-lah berbuat demikian dengan sa-besarnya segera.

Lesen2 itu boleh di-baharui di-Pejabat Municipal, Bandar Brunei.

Sharikat B. S. P. anjorkan peraduan

SERIA. — Satu peraduan lukisan yang terbuka kepada semua penuntut2 dan murid2 sekolah di-seluruh Negeri Brunei yang di-anjorkan oleh Brunei Shell akan di-adakan di-sini pada awal tahun hadapan.

Lukisan2 itu hendak-lah merupakan pemandangan perusahaan minyak.

Hadiah berupa wang tunai yang berjumlah \$750 akan di-bahagikan antara pemenang2.


Murid2 yang maseh belajar dalam bulan November, 1959 di-benarkan masuk.

Dalam pada itu pihak Brunei Shell akan mengadakan pula satu pameran lukisan di-dewan Community Hall B.S.P., di-Seria pada minggu hadapan.

Pameran itu akan berjalan selama tiga hari mulai 19 November.

Pameran itu terbuka dari pukul 8 pagi sampai 11.30 dan 2 petang sampai 6 petang.

Lukisan kerana peraduan hendak-lah di-sampaikan kepada: Public Relations Department, Brunei Shell Petroleum Co. Ltd., Seria, sa-belum pukul 4 petang hari Ahad, 31 January, 1960.



Sekolah Melayu S.M.J.A., telah memenangi sa-buah piala perak hadiah daripada Friends & Company Singapura kerana pasukan S.M.J.A. menjadi johan sukan darat murid2 bagi tahun 1959 (Hadiah tersebut ada-lah jolong2 kali di-adakan).

Barisan belakang; kiri: Chegu Md. Daud Serudin, Idris Ahmad, Ahman Saleh, Ak. Mahmud P. Umar, Abd. Wahab Sulaiman, Chegu Md. Husain Zainal.

Barisan hadapan dari kiri: Metusin Tudin, Abd. Ghani Niam, Md. Ja'afar Tahir, Abd. Hamid Karim, Suhaili Lani.

DIDEKAN LEBEH PENTING DARI PEPEREKSAAN —Majallah tahunan Abell College dalam utusan pengetua-nya

SERIA. — "Sinaran Penuntut" majallah tahunan sekolah Anthony Abell College, di-sini dalam mengulang kaji perjalanan sekolah itu dalam tahun2 yang sudah berzam hendak menjadikan sekolah itu maktab yang terkemuka sa-kali di-Borneo Utara.

Chita2 ini telah di-bayangkan oleh Dato Paduka Sir Anthony Abell tatkala mendedahkan kain tudong papan peringatan pembedaan kolej itu dalam tahun lalu.

Dato Abell telah berkata; "Kolej ini hendak-lah diakui di-seluruh Borneo sa-bagai satu pusat yang mengeluarkan pemimpin2 yang jujur dan berani."

Kolej itu sekarang mempunyai

340 orang murid2 laki2 dan perempuan.

Sa-lain dari mata pelajaran biasa mereka itu juga mempelajari pertukangan kayu, pertukangan besi, gerakan badan, musik dan pertukangan tangan.

Dalam pada itu, pengetua kolej itu dalam utusan-nya mengingatkan penduduk2 negeri ini bahawa sungguh pun kejayaan murid2 dalam perpereksaan ada-lah di-tegaskan tetapi kewajipan sa-sabuh sekolah itu ia-lah mendi-dek murid2-nya.

Kebanyakan didekan yang di-dapati di-sekolah2 tidak berkehendakkan pepereksaan dan kejayaan dalam pepereksaan bergantung pada berbagai2 perkara.

"Sasutu sekolah itu boleh menjamin kejayaan 100 peratus dalam pepereksaan dengan membenarkan hanya murid2 yang tentu akan lulus dalam pepereksaan sahaja masuk perpereksaan," kata pengetua itu.

Majallah itu di-terbitkan dalam bahasa Inggeris, Melayu dan China.

Penanggohan pertandingan bola sepak

SERIA. — Pertandingan bola sepak league kerana merebutkan piala Higgins yang di-jadualkan bagi di-langsungkan pada hari Sabtu 21 November, antara pasukan Kadazan dengan K.B.R.C., dan pasukan SRC/Panaga dengan Shell Malay Club, telah ditangguhkan kepada 12 Decem-ber.

Penanggohan itu ada-lah disebabkan oleh ranchan2an mengadakan pesta sukan.

Pemuda ganggu penerbangan

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pemuda Melayu telah mengganggu jadual penerbangan kapal terbang Malayan Airways dari Brunei ka-Singapura pada 4 November ini.

Pemuda itu di-dapati bersembunyi dalam kapal terbang itu. Ia berhajat hendak terbang ka-England dengan tidak membeli tiket atau mempunyai paspot.

PENUBOHAN PERSATUAN TINJU

BANDAR BRUNEI. — Suatu persatuan tinju telah di-tubuhkan dalam satu meshuarat antara penggemar2 tinju di-Civic Centre, Bandar Brunei baharu2 ini.

Meshuarat itu di-pengeruskan oleh Tuan R. D. Ross dan telah melantek sa-buah jawatan kuasa sementara untuk mengubal rang undang2 persatuan itu.

Ahli2 jawatan kuasa itu ia-lah: Pengerusi, Tuan R. D. Ross; setiausaha, Tuan S. Palaniandy, ahli2 jawatan kuasa, Pengiran Besar, Tuan P. Joseph, Tuan Poh Soo Jin dan Tuan B. Boyd.

Meshuarat itu telah memutuskan hendak mengadakan satu meshuarat agong di-dewan Civic Centre juga pada 29 November.

Tuan Palaniandy ia-lah bekas setausaha Persatuan Tinju Singapura. Beliau akan memberi penerangan dalam meshuarat agong yang akan di-adakan itu kelak.

AYER MATA DI-LANDA LARA

(Dari muka 3)

ban di-hujung senjata mereka sa-telah dapat menguyak2kan badan daging dan jiwa gadis itu. Mereka membuat sa-wi-nang2-nya dengan nafsu kebi-natangan.

Oh, manusia mana tidakkan hanchor hati-nya, hidup mana ta' kan sedeh dan duka. Ainali di-giring dengan sawinang2nya dan apa saja yang mereka buat; betapa hanchor hati dan jiwa Saimun tetapi sedangkan ia tidak boleh membuat apa2 ha-nya di-hantar-nya dengan iri-ngan mata dilemas duka. Ranap jantung-nya hidup yang ta' mungkin semboh dan bangkit dari lembah dan jurang penderitaan gaong kesedehan, dunia kengerian.

Ini-lah potrit2 hidup Saimun yang ta' bisa di-pisah2nya dari debaran kalbu sa-lama hayat-

nya. Dia terpisah dari kumpulan hidup manusia, dia terpisah dan di-ragut dari chinta ke-bahagian hidup. Maka hinggalah kini berlanjutan-nya genangan ayer mata sedeh itu, badan dan hidup-nya telah jauh mengambara membawa irama duka; jauh tersisih dari hidup kebahagiaan, jauh tersisih dari hidup masharakat insan. Bagitu-lah kisah hidup-nya kawan mereka itu, ia ta' sanggop mengulangkikan cherita2 yang melumpuhkan hidup-nya itu, sebab itu-lah ia selalu pendiam dan ta' banyak punya bichara.

Mata-nya dari tadi maseh ta' puas2 meraba2 di-rawang langit dan bintang berkerdipan itu sa-olah2 kerdipan mata ke-kaseh-nya dulu di-kala berpisah pergi ka-medan pertumporan. Perlahan2 di-baringkan-nya badan-nya dan terdengar suara-

nya sambil menarek nafas. "Malam ini saja kita dapat bertemu, bisok dan seterusnya mungkin ta' dapat bertemu lagi, siapa tau dindang perbatasan di-antara kita akan tiba menyekat buat selama2nya, kita berpergian membawa nasib bersendirian." Suara-nya lenyap di-situ saja di-bawa rubusan angin yang mengusap2, hilang-lah di-rubongi suasana malam di-bungkus alam. Sedang ayer mata-nya perlahan2 titis berlinang menggulunchor laju sa-olah2 gaong penderitaan dan kesedehan-nya itu ada-lah tempat lintasan ayer mata hidup yang menggambarkan kemusnahan di-landa duka. Tiga manusia tiga jiwa dan tiga cherita yang masing2 pedeh membawa derita, derita di-landa lara, ayer mata tentunan cherita.

BANJIR ANCHAM HARTA DAN JIWA DI-MALAYA

JAKARTA — Lebih 34,000 orang telah kehilangan rumah tangga apabila banjir berlaku di-satu kawasan di-utara Sumatra berikutan dengan hujan lebat yang telah turun dalam beberapa minggu yang lepas.

Sa-orang juruchakap kerajaan berkata sunggoh pun banjir itu yang besar sa-kali dalam beberapa tahun ini tetapi tidak ada berita mengatakan kemalangan nyawa telah berlaku.

Beberapa ratus ekar sawah yang padi-nya hampir masak telah jahanam dan orang2 kampung telah kehilangan binatang2 ternakan dan lain2 harta benda.

Berita2 yang sampai di-Jakarta mengatakan bahawa aki-bat hujan lebat itu ia-lah beberapa buah kampung di-tebing sungai di-kawasan timor Sumatra telah terpenchil kerana sungai2 itu telah banjir.

Di-Malaya pula tiga orang telah terbunuh dan tiga orang lagi

di-beritakan hilang sa-telah hujan lebat turun di-kawasan Dinding di-Perak.

Hujan itu turun sa-lama beberapa hari dan telah membanjiri beberapa kawasan dan mero-sakkan harta benda.

Orang2 yang terbunuh itu ialah dua orang nelayan dan sa-orang ibu yang sedang mengan-dong.

Orang yang di-beritakan hilang itu ia-lah nelayan.

PAGAWAI2 POLIS DI-INGATKAN JANGAN BERBELANJA LEBEH

SINGAPURA. — Pesuruh Jaya Polis Singapura, Tuan A.E.G. Blades, telah memberi amaran kepada pegawai2 Polis dan mata2 gelap yang berbelanja berlebeh2an bahawa mereka akan di-pechat dari jawatan jika tidak mengubah kelakuan itu.

Pesuruh Jaya itu memberi amaran tatkala menerangkan dasar kerajaan kepada pegawai2 Polis.

Delapan belas orang mata2 gelap, empat daripada-nya ser-geant telah di-buang kerja dalam minggu lepas sa-telah di-jalankan penyiasatan berkenaan dengan kelakuan mereka.

Pembuangan itu akan di-jadi-

kan chontoh kepada mereka yang menyebabkan pasokan Polis mendapat nama busok, kata Tuan Blades.

Tuan Blades berkata lagi bahawa Kerajaan berfikir keadaan itu timbul dari kesalahan chara memileh mata2 gelap.

Pada masa yang sudah2 mata2 gelap ada-lah di-pileh dari orang2 yang ada perhubungan dengan kongsi2 gelap.

Ini telah di-buat dengan harapan supaya mereka itu mengambil kesempatan menukar chara hidup mereka dan menggunakan pengetahuan mereka dalam perkhidmatan kerajaan.

LANTEKAN GABNOR SARAWAK

LONDON. — Baginda Queen telah menyambut kedatangan Sir Alexander Waddell di-Istana Buckingham baharu2 ini berikutan dengan lantekan beliau sa-bagai Gabnor Sarawak.

Sir Alexander yang dahulu-nya menjadi Timbalan Gabnor Sierra Leone akan menggantikan Dato Paduka Sir Anthony Abell, Gabnor Sarawak.

Dalam pada itu pengumuman telah juga di-buat berkenaan dengan lantekan Gabnor Borneo Utara.

Sir Roland Turnbull Gabnor Borneo Utara akan di-gantikan oleh Sir William Goode, Yang di-Pertuan Negara Singapura.

Pengajian Melayu di-Australia

MELBOURNE (Australia). Jabatan Pelajatan Victoria akan membuka kelas2 bahasa Melayu kalau sa-kira-nya pelajar2 yang ingin mempelajari bahasa itu cukup jumlah-nya.

Pembukaan kelas itu bergantung pada kebolehan pejabat itu mendapatkan guru2 bahasa Melayu.

Penolong Pengarah Pelajaran Victoria berkata bahawa sekolah2 di-negeri itu akan di-tanya pada awal tahun hadapan tentang jumlah pelajar2 yang ingin mempelajari bahasa Melayu.

Chadangan hendak membuka kelas2 Melayu itu telah di-ambil berikutan dengan shor Perdana Menteri Malaya, Tengku Abdul Rahman bahawa sekolah2 di-Australia patut mengajar bahasa Melayu tidak bahasa German atau Latin.

Ini ia-lah kerana Australia berjiran dengan Indonesia, Borneo, Malayan dan Filipina.

Negeri2 itu di-duduki oleh lebih 100,000,000 manusia yang menggunakan bahasa Melayu.

LAWATAN KA-AUSTRALIA AKAN MENERATKAN PERHUBONGAN

SYDNEY, (Australia). — Perdana Menteri Malaya Tengku Abdul Rahman telah berangkat pulang ka-Malaya hari Ahad lepas dengan kapal terbang sa-telah berkunjung ka-Australia sa-lama dua minggu.

Tengku memberi tahu para wartawan sa-jurus sa-belum menaiki kapalterbang :

"Lawatan saya ka-Australia sunggoh menggembirakan. Bukan sahaja Kerajaan Australia, tetapi ra'ayat-nya juga memberi layanan yang amat memuaskan kepada rombongan kami di-mana2 sahaja kami pergi.

"Kami akan tetap mengenang kepada baik budi mereka."

Tengku menyatakan keyakinan-nya bahawa perhubungan antara Malaya dan Australia akan bertambah mesera lagi.

Beliau telah membawa balek ka-Malaya sa-ekor beruang Koala.

Wakil2 Kerajaan Australia, Pesuruhjaya Tinggi Malaya di-Australia, Dato Gunn Lay Teik dan Pesuruhjaya Tinggi Austra-

TENTERA INDIA BERSEDIA DI-UTARA

NEW DELHI (India) — General K. S. Thimayya, Ketua Tentera India berkata baharu2 ini bahawa ada anchaman di-kawasan sempadan di-utara negeri, tetapi tentera India adalah cukup kuat untuk mempertahankan kawasan gunung gunung itu.

Beliau berkata demikian dalam satu majlis yang di-adakan oleh bekas anggota2 tentera.

Di-Bombay pula, Naib Presiden India, Dr. Sarvapalli Radhakrishnan berkata kepada satu perhimpunan penuntut2 bahawa beliau perchaya Kerajaan akan menyelesaikan kekusutan di-sempadan itu dan mempertahankan kawasan India.

Dr. Radhakrishnan berkata : "Sejarah dunia telah membuktikan bahawa negara2 yang berdiri atas kekuatan bukan-nya kebenaran akan kechewa.

Kita berazam hendak berjiran dengan China dalam keadaan aman dan damai.

Dalam pada itu China Komunis pula telah mengumumkan satu chadangan supaya kedua buah negeri itu mengundorkan tentera2-nya sa-jauh 20 kilometre dari garisan Macmahon yang di-pertengkarkan itu.

China Komunis juga telah menhadangkan satu perjumpaan di-adakan antara Perdana Menteri China dan India dengan sa-berapa segera.

SEMANGAT HARIMAU DI-INDONESIA

JAKARTA — Presiden Sukarno baharu2 ini telah berseru kepada raayat Indonesia supaya berjuang dengan semangat harimau kerana merebutkan Irian Barat yang masih di-perintah oleh Belanda itu.

Presiden itu berucap di-hadapan satu perhimpunan besar di-Jogjakarta dan beliau telah menggesa mereka supaya mempunyai semangat kebangsaan untuk menamatkan revolusi yang belum selesai itu.

Parapendengar telah bersorak apabila beliau menegaskan bahawa Indonesia hendak-lah mempunyai semangat yang bernyala2, keazaman dan chita2 hendak merebutkan Irian Barat.

Presiden Sukarno telah menyebut bahawa sa-orang mahaguru Belanda telah berkata bahawa pada masa dahulu semangat ra'ayat Indonesia ada-lah seperti harimau, tetapi sa-telah di-jajah sa-lama 350 tahun semangat itu telah luput.

"Kita hendak-lah bangunkan sa-mula semangat harimau itu," kata President Sukarno.

Perubahan kementerian

KUALA LUMPUR. — Perubahan pertama di-bawah susunan baharu jemaah menteri Malaya telah di-lakukan dalam minggu lepas apabila Inche Bahaman bin Shamsuddin memegang jawatan Menteri Buroh.

Inche Bahaman dahulu-nya menjadi Menteri Hasil Bumi.

Kementerian Hasil Bumi itu akan di-satukan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar di-bawah Timbalan Perdana Menteri, Tuan Abdul Razak.